



## BAB 4 | PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

### 4.1 MALAYAN UNION

#### 4.1.1. Sebab-sebab Pengenalan Malayan (m/s 95 )

1. Persediaan Membentuk Kerajaan Sendiri
  - British memperkenalkan Malayan Union sebagai persediaan kepada Tanah Melayu ke arah membentuk pemerintahan sendiri.
2. Melahirkan Pentadbiran yg licin
  - British ingin mewujudkan pentadbiran yang licin.
  - Sistem pentadbitan sebelum ini banyak menimbulkan kesulitan kerana berlainan dari segi cara pentadbiran.
3. Menjimatkan kos pentadbiran
  - Pembahagian Tanah Melayu kepada 3 unit pemerintahan iaitu NNS, NNMB dan NNMTB telah menyulitkan pentadbiran.
  - Kepelbagaiannya sistem ini telah menelan kos yang besar.
  - Ia juga menyebabkan pembangunan ekonomi di setiap negeri tidak seimbang.
4. Membentuk Bangsa Malayan Union.
  - British berhasrat membentuk bangsa Malayan Union supaya golongan pendatang dapat melupakan negara asal dan menumpukan taat setia kepada Malayan Union.
  - Justeru itu, British dapat memastikan sumber tenaga dan pelaburan untuk memajukan ekonomi Tanah Melayu tidak terbantut.
5. Mengawal kuasa politik orang Melayu.
  - British berpendapat dengan mewujudkan Malayan Union ini dapat menjamin penguasaan yang berterusan terhadap sumber ekonomi Tanah Melayu.
  - Selain itu ia juga dapat mengurangkan kuasa politik orang Melayu.

**4.1.2 Ciri-ciri Malayan Union (m/s 96 )**

- Semua negeri NNMB dan NNMTB serta NNS disatukan
- Gabenor British ketuai MU
- Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan MU dibentuk
- Singapura diasingkan dpd Malahan Union / pelabuhan bebas
- Kewarganegaraan berdasarkan jus soli
- Raja-raja Melayu menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu yg berkuasa bincang hal agama dan adat istiadat Melayu
- Di setiap negeri dilantik seorang Pesuruhjaya Negeri.
- Tanah Melayu jadi Tanah Jajahan British /bukan lagi naungan British

**4.1.3 Reaksi Terhadap Malayan Union****a) Sebab-Sebab Orang Melayu Menentang Malayan Union: (m/s 98 -99 )**

1. Membantah tindakan Sir Harold MacMichael yang mengugut Raja-Raja melayu. Baginda akan diturunkan takhta sekiranya enggan menerima Malayan Union. Cth. Ugutan terhadap Sultan Badlishah di Kedah.
2. Sultan tidak diberi masa yang cukup untuk berunding dengan majlis Mesyuarat Negeri. Contohnya Sultan Perak.
3. Sultan menandatangi Perjanjian Malayan Union atas dasar setia kawan kepada British seperti Sultan Selangor dan Sultan Johor.
4. Menentang penghakisan kuasa Raja-Raja melayu dalam Malayan Union.
5. Raja-Raja Melayu hanya menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu tanpa sebarang kuasa.
6. Zakat fitrah dipungut di bawah nama Gabenor Malayan Union.
7. Bertentangan dengan kedudukan Sultan yang merupakan ketua agama Islam.
8. Bimbang agama Islam akan tercabar.
9. Menolak pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang
10. Dasar terbuka British mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi.
11. Bimbang akan kehilangan warisan tamadun yang telah dibina oleh kerajaan Melayu seperti Kesultanan Melayu Melaka.
12. Pengenalan Malayan Union akan menghapuskan sejarah yang telah terbina sejak sekian lama.

**b) Golongan yang menyokong Malayan Union (m/s 99-100)****1. Orang Dagang dan Golongan Melayu ( Radikal )**

- Golongan ini bersetuju dengan dasar menyatukan Negeri-negeri Melayu menjadi sebuah unit politik untuk melicinkan pentadbiran.
- Mereka menyokong dasar sama rata Malayan Union yang menghapuskan hak-hak perlindungan kepada org Melayu.
- Kerakyatan Malayan Union yang terbuka juga disokong kerana mereka boleh mengekalkan kerakyatan asal masing-masing.
- Mereka juga mempercayai janji British yang akan memeberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

**2 . Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)**

- Pemerintahannya bersifat barat serta menghapuskan sistem feudal Melayu dan tidak mengiktiraf kuasa raja dan pembesar Melayu di sokong oleh mereka.
- Mereka menginginkan konsep republik seperti di Indonesia dapat dijalankan dan seterusnya konsep Melayu Raya dapat dilaksanakan.

**3. Angkatan Pemuda Insaf (API)**

- Pimpinan Ahmad Boestamam
- Nama sebenarnya ialah Abdullah Sani
- Menjadi wartawan
- Ditahan di bawah Akta Darurat 1948-1955

**4. Angkatan Wanita Sedar ( AWAS )****5. Barisan Tani Malaya (BATAS )**

**4.1.4 TINDAKAN ORANG MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION.****Cara-cara orang Melayu menentang Malayan Union: ( m/s100 -102 )**

- ❖ Bantahan melalui akhbar-akhbar Melayu seperti Utusan Melayu, Majlis dan Warta.
- ❖ Mengadakan demonstrasi secara aman semasa Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu.
- ❖ Bantahan ini berlaku di Kota Bharu, Kelantan dan Alor Setar, Kedah.
- ❖ Persatuan-persatuan Melayu dihidupkan untuk menentang Malayan Union.
- ❖ Mereka menghantar telegram dan surat bantahan ke pejabat Tanah Jajahan di London.
- ❖ 23 Januari 1946, Dato' Onn Jaafar menyeru orang Melayu berkongres dan menujuhkan United Malays Organization ( U.M.O ).
- ❖ Kongres Melayu 1946 diadakan pada 1 - 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kg Baru Kuala Lumpur.
- ❖ Kongres ini dihadiri oleh 41 buah persatuan diseluruh Tanah Melayu.
- ❖ Kongres ini setuju menujuhkan United Malays National Organization (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.
- ❖ Kongres Melayu Kedua diadakan dari 30-31 Mac 1946. Tujuannya untuk membantah perisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946.
- ❖ Orang Melayu mengadakan rapat umum disetiap bandar besar untuk menunjukkan bantahan mereka kepada ahli-ahli parliment British iaitu L.D Gammans dan David Reese William.

**4.2 PERSEKUTUAN TANAH MELAYU****4.2.1 Faktor-faktor Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (m/s 103-104 )****1. Perpaduan dalam kalangan orang Melayu daripada semua golongan.**

- Perpaduan golongan raja dan rakyat telah dapat mengatasi pihak lain yang menyokong Malayan Union.

**2. Sokongan bekas pegawai-pegawai British**

- Antara mereka termasuklah Sir Frank Sweetnam, Sir R.O Winstedt, Sir George Maxwell dan Sir Cecil Clementi.
- Mereka menolak dasar menakluk Tanah Melayu.

**3. Sokongan pegawai-pegawai Tinggi British.**

- Antaranya termasuklah sokongan daripada Sir Malcolm MacDonald, Sir Edward Gent, dan L.D Gammans.

**4. Sikap politik orang Melayu yang sederhana**

- Orang Melayu hanya menulis dalam akhbar, demonstrasi, berkongres dan memujuk Raja-raja Melayu untuk menyokong penentangan terhadap British.
- Mereka tidak menggunakan kekerasan seperti Parti Komunis Malaya (PKM) dengan mengangkat senjata.

**5. UMNO tidak menuntut kemerdekaan**

- Britis memilih UMNO dan raja-raja Melayu kerana kedua-duanya hanya menuntut rundingan untuk menolak Malayan Union.
- Faktor inilah yang menyebabkan British menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.

**6. Ketegasan Orang Melayu membantah Malayan Union**

- Pemimpin Melayu seperti Dato' Onn Jaafar telah membantah dengan tegas pelaksanaan Malayan Union,
- Beliau pernah menjadi Pegawai Tadbir Johor, wartawan, Presiden UMNO, Menteri Besar Johor, Ahli Dalam Negeri dan Ahli Parlimen Parti Negara.

**7. Gesaan Piagam Atlantik 1945**

- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengeluarkan Piagam Atlantik 1945.
- PBB tidak menggalakkan penjajahan baru sebaliknya meminta negara-negara kolonial memberikan latihan berkerajaan kepada penduduk tempatan.

**4.2.2 : Langkah-langkah Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (m/s 104 -106 )**

1. Jawatankuasa Eksekutif dianggotai oleh 12 orang ahli ditubuhkan.
2. Terdiri daripada pegawai kanan British, pemimpin UMNO dan wakil Raja-raja Melayu
3. Mengemukakan 5 tuntutan:-
  - Raja/UMNO menolak semua prinsip MU/struktur MU
  - Mahu sebuah persekutuan
  - Menolak kerakyatan terbuka MU/Jus Soli
  - Meminta dasar perlindungan terhadap Negeri-negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan
  - Raja-raja Melayu diakui sebagai ketua Negeri-negeri Melayu
  - Kedudukan istimewa Melayu dilindungi
  - Status quo Negeri-negeri Melayu dilindungi
  - Islam/adat istiadat Melayu sebagai teras ketuanan Melayu.

**4.2.3 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 (m/s 106 -108 )****i) Ciri-ciri utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948**

- ❖ Sebuah persekutuan dibentuk dengan gabungan 11 buah negeri.
- ❖ Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British
- ❖ Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan
- ❖ Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri dibentuk.
- ❖ Pesuruhjaya Tinggi British menjaga kedudukan istimewa orang Melayu.

**ii) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu juga menjelaskan perkara-perkara berikut.**

- ❖ Syarat kerakyatan diperketatkan.
- ❖ Prinsip kerakyatan jus soli adalah untuk Rakyat Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu.
- ❖ Rakyat British bagi Negeri-Negeri Selat ( Melaka dan Pulau Pinang ).
- ❖ British mengiktiraf semula ketuanan Melayu sebagai asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.
- ❖ Institusi Raja Melayu dikekalkan dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentabiran.

#### 4.3 Pergerakan Politik di Sarawak dan Sabah

##### a) Pergerakan politik di Sarawak

- Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British disebabkan beberapa alasan. Antaranya termasuklah :-
  - a) beliau telah tua dan uzur.
  - b) Pengantinya pula iaitu Anthony Brooke didapati tidak layak untuk mentadbir dengan berkesan.
- Vyner Brooke telah menghantar Gerald MacBryan untuk mendapatkan persetujuan pembesar Sarawak.
- Pengisytiharah penyerahan Sarawak kepada British dibuat oleh Vyner Brooke pada 8 Februari 1946.
- Tindakan ini telah dibantah oleh pemimpin dan persatuan kaum tempatan.
- Antaranya termasuklah Datu Patinggi Haji Abdillah iaitu ketua masyarakat Melayu Sarawak.
- Persatuan Melayu Sarawak (PMS) dan Persatuan Dayak Sarawak (PDS) turut menentang.
- Mereka menentang tindakan Vyner Brooke kerana perkara tersebut bercanggah dengan Perlembagaan 1941.
- Keputusan itu dibuat oleh Vyner Brooke tanpa berunding dengan orang tempatan atau ketua-ketua mereka.
- Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Barisan Pemuda Melayu (BPM) Sibu dan PDS menentang perisytiharan tersebut secara terbuka.
- Kaum ibu dalam PKMS turut membantah dengan mengadakan demosntrasi dan menghantar surat bantahan kepada kerajaan British.
- Pakatan sulit antara kaum terpelajar telah menghasilkan penubuhan kumpulan Rukun Tiga Belas.
- Salah seorang anggotanya ialah Rosli Dhobi.
- Sir Duncan Stewart, iaitu Gabenor Sarawak yang baru dilantik telah ditikam oleh Rosli Dhobi semasa beliau melawat Sibu pada 3 Disember 1949.
- Tindakan Rosli Dhobi tidak berjaya kerana pemimpin Sarawak tidak bersatu.

##### b) Pergerakan politik di Sabah

- Kegiatan dan kesedaran politik di Sabah amat perlahan, berpecah belah dan tidak berkesan.
- Persatuan Kebangsaan Melayu Labuan (PKML), Persatuan Melayu Jesselton (PMJ) serta Barisan Pemuda (BARIP) Labuan dan Jesselton ialah persatuan sosioekonomi yang bersifat sederhana.
- Semasa Sabah dijadikan jajahan takluk British pada 1946, tidak terdapat tentangan yang jelas dan terbuka daripada penduduk tempatan.
- Pada tahun 1951 persatuan-persatuan ini telah terkubur begitu sahaja.